

**THE THOUGHT OF SHEIKH AHMAD AL-FATANI IN MALAY MEDICINE: A
COMPARISON WITH THE PRINCIPLES OF MODERN MEDICINE**

**PEMIKIRAN SYEIKH AHMAD AL-FATANI DALAM PERUBATAN MELAYU: PERBANDINGAN
DENGAN PRINSIP PERUBATAN MODEN**

Kamarul Azuan Shah Mohd Mashutiⁱ, Muhammad Yusri Yusof @ Sallehⁱⁱ, Nor Adila Mohd Noorⁱⁱⁱ
& Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia; Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPPDG9) Negeri Perak. kamarulazuanshah@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. yusri613@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, Dungun, 23000 Terengganu, Malaysia. norad852@uitm.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. mohdz560@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 15 Julai 2025

Revised: 15 August 2025

Accepted: 28 August 2025

Abstract	<p><i>Expertise in any field is typically grounded in deep knowledge and high-level skills. Although traditional Malay medicine is often perceived as lagging behind modern medicine, the competence and knowledge possessed by traditional healers hold their own unique value and excellence. This study aims to identify the fundamental elements that a healer must master in the field of traditional Malay medicine, according to the views of Syeikh Ahmad al-Fatani. The scope of the study focuses on the principles of treatment as outlined in the work <i>Tayyib al-Ihsān fī Ṭibb al-Insān</i> as well as related supporting documents. Methodologically, the study employs a content analysis approach of the primary text and semi-structured interviews involving three modern medical doctors to obtain professional perspectives on relevant skill elements in the context of contemporary medicine. The findings identify 15 key elements that traditional healers should master, including in-depth knowledge of diseases, treatment methods, and the selection and mechanisms of the medicines used. The results also indicate that the healer's attitude towards patients is a crucial factor that directly affects the effectiveness of treatment. Therefore, an effective healer must not only possess technical knowledge and skills but also uphold strong ethical values and empathy in patient interactions, thereby strengthening trust in the healer-patient relationship and enhancing recovery rates.</i></p> <p>Keywords: <i>Fundamental, Treatment, Manuscript, Malay, Medicines.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kepakaran dalam sesuatu bidang lazimnya berasaskan kepada penguasaan ilmu pengetahuan yang mendalam serta kemahiran yang tinggi. Meskipun perubatan Melayu tradisional sering dianggap ketinggalan berbanding perubatan moden, kecekapan dan pengetahuan yang dimiliki oleh perawat tradisional tetap memiliki nilai dan keunggulan tersendiri. Kajian ini bertujuan untuk mengenal</i></p>

	<p><i>pasti elemen-elemen asas yang perlu dikuasai oleh perawat dalam bidang perubatan Melayu tradisional menurut pandangan Syeikh Ahmad al-Fatani. Skop kajian memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip perawatan sebagaimana yang terkandung dalam karya <i>Tayyib al-Ihsān fī Ṭibb al-Insān</i> serta dokumen-dokumen sokongan berkaitan. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap teks utama serta temu bual separa berstruktur yang melibatkan tiga orang doktor perubatan moden bagi mendapatkan perspektif profesional terhadap elemen kemahiran yang relevan dalam konteks perubatan masa kini. Hasil kajian mengenal pasti 15 elemen utama yang perlu dikuasai oleh perawat tradisional, termasuk pengetahuan mendalam tentang penyakit, kaedah rawatan, serta pemilihan dan mekanisme ubat-ubatan yang digunakan. Dapatan turut menunjukkan bahawa sikap perawat terhadap pesakit merupakan aspek penting yang memberi kesan langsung terhadap keberkesanan rawatan. Justeru, perawat yang berkesan bukan sahaja perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran teknikal, tetapi juga nilai etika dan empati yang tinggi dalam berinteraksi dengan pesakit, seterusnya memperkukuh kepercayaan dalam hubungan perawat-pesakit dan meningkatkan kadar penyembuhan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Asas, Perawatan, Karya, Melayu, Perubatan.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Dalam konteks masyarakat Melayu tradisional, individu yang terlibat dalam bidang perawatan sering dikenali dengan pelbagai gelaran seperti dukun, pawang, atau bomoh (Muhd Norizam Jamian et al., 2021). Golongan perawat ini memainkan peranan yang signifikan dalam memberikan rawatan kepada masyarakat pada ketika itu, khususnya sebelum kemunculan sistem perubatan moden. Mereka dipercayai memiliki kelebihan tertentu, termasuk keupayaan luar biasa yang membolehkan mereka mengubati pelbagai jenis penyakit, malah ada yang dikatakan mampu berinteraksi dengan makhluk ghaib sebagai sebahagian daripada kaedah rawatan.

Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perubatan Melayu tradisional lazimnya diperoleh melalui pelbagai saluran, antaranya pewarisan ilmu secara turun-temurun, pengalaman mistik seperti mimpi, serta proses pembelajaran langsung daripada tokoh yang diiktiraf memiliki kepakaran dalam perawatan tradisional (Normadiyah Nassir et al., 2017). Hal ini jelas berbeza daripada pendekatan dalam perubatan moden, yang berasaskan kepada pendidikan formal, kajian saintifik, serta pengiktirafan profesional melalui proses latihan dan pensijilan yang tersusun. Setiap pengamal perubatan mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang bidang perubatan agar proses rawatan berjalan dengan lancar serta berkesan. Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam kitab perubatannya *Tayyib Al-Ihsān Fī Ṭibb Al-Insān*, setiap perawat dalam bidang perubatan Melayu tradisional mestilah memahami elemen-elemen perubatan dalam perawatan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini menelusuri pelbagai literatur berkaitan ciri pengamal perubatan, prinsip perubatan Melayu tradisional, serta keserasian antara pendekatan tradisional dan moden. Fokus utama adalah kepada huraian Syeikh Ahmad al-Fatani mengenai lima belas elemen asas perawatan, di samping membandingkannya dengan prinsip dan amalan kontemporari yang berteraskan pendekatan berpusatkan pesakit serta rawatan berasaskan bukti.

Kajian Ciri Pengamal Perubatan

Menurut Christoph Schell & Mark A. Jones (2023), doktor dianggap sebagai individu yang hebat dari segi keperibadian, kebolehan diagnostik atau keupayaan intervensi mereka. Kajian mereka juga mendapati bahawa doktor yang baik adalah doktor yang sedia mendengar luahan pesakit. Abdullah Khawar et al., (2022) pula menyatakan bahawa seorang perawat dianggap cemerlang berdasarkan kecekapan, motivasi dan personaliti mereka. Seorang perawat yang baik mestilah mampu menjaga kesihatan dengan baik, berehat dengan baik, mendengar dengan teliti, menemui

minat diri, merawat pesakit secara holistik, menunjukkan empati, memberi perhatian kepada butiran, mempunyai ketahanan, mengambil tanggungjawab dan menghargai keindahan alam (John P. Higgins, 2023).

Hal ini menunjukkan bahawa perawat bukan sahaja perlu memberi tumpuan kepada kesihatan pesakit tetapi juga kepada kesihatan diri mereka sendiri. Persekitaran kerja dalam hospital juga memainkan peranan dalam membina karakter dalam diri pengamal perubatan (Alexander Huber et al., 2020). Julia S. Grundnig et al., (2022) menyatakan bahawa masyarakat mempunyai jangkauan terhadap doktor melebihi skop tugas mereka sebagai profesionalisme perubatan. Para doktor perlu memiliki tingkah laku profesional sebagai penyembuh serta komitmen terhadap konsep moral, nilai-nilai dan keperluan pesakit serta masyarakat. Kepuasan pesakit terhadap rawatan yang diberikan oleh perawat dipengaruhi melalui komunikasi dan ketelitian mereka terhadap pesakit (Ryan A Carbone et al., 2021). Kajian oleh Ronan O' Donnabhain & Nadia Deborah Friedman (2018) menyatakan bahawa pesakit menghargai hubungan interpersonal dan keterlibatan pengamal perubatan dalam membuat Keputusan tentang penjagaan kesihatan mereka.

Phayilah Yama & Ikmal Zaidi Hashim (2018) menyatakan terdapat 11 kriteria untuk mengiktiraf ketokohan dan sumbangan perawat perubatan Islam iaitu mempunyai lebih 20 tahun pengalaman, sumber ilmu yang berautoriti, murid yang berkualiti, pengasas pertubuhan perubatan terkenal, mempunyai testimoni tempatan dan antarabangsa, keahlian dan jawatan yang berprestij dalam bidang perubatan Islam peringkat negara, penyebaran ilmu perubatan Islam ruqyah yang meluas, penulisan karya perubatan Islam, polisi ruqyah patuh syariah, tiada unsur meraih keuntungan serta pengurusan ilmu perubatan Islam yang sistematik. Keperibadian perawat perubatan Islam turut memainkan peranan dalam pemberian kepercayaan pesakit kepada perawat mereka. Perawat tidak semestinya dari kalangan assatizah tetapi kepakaran yang diperolehi oleh individu tertentu juag boleh memberikan rawatan alternatif (Khadher Ahmad et al., 2015).

Prinsip Asas dalam Perubatan Melayu Tradisional

Syeikh Ahmad Al-Fatani telah menggariskan 15 elemen asas dalam perubatan Melayu tradisional yang harus difahami oleh setiap tabib (pengamal perubatan). Prinsip ini memberi penekanan kepada keberkesanan rawatan, sifat ubat serta kaitan penyakit dengan anggota badan tertentu. Berikut adalah elemen yang dinyatakan di dalam *kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan* pada fasal ke tujuh beserta sudut pandang tradisional dan sains moden.

Jadual 1: Senarai Elemen Perubatan Syeikh Ahmad Al-Fatani Menurut Pandangan Tradisional dan Sains Moden

Elemen (Syeikh Ahmad Al-Fatani)	Pandangan Tradisional	Pandangan Sains Moden	Contoh Ubat Tradisional	Contoh Ubat Moden
Ubat tunggal	Ubat tunggal diutamakan sebelum campuran	Monoterapi elak interaksi & kesan sampingan	Air daun senduduk	Paracetamol tunggal
Sifat ubat panas/sejuk	Ubat panas/sejuk bergantung pada sifat penyakit	Vasodilator & antipiretik ubah suhu tubuh	Teh halia, minyak kayu putih	Ibuprofen, acetaminophen
Ubat pembersih badan	Ubat suam digunakan untuk	Diuretik/laksatif bantu proses detoks	Air suam + lemon, herba pahit	Furosemide, bisacodyl

	bersihkan toksin tubuh			
Ubat pencegah penyakit	Ubat sejuk mencegah penyakit dan tenang badan	Vaksin & suplemen cegah penyakit	Daun bunga raya, air kelapa	Vitamin C, vaksin influenza
Ubat pemecah / pelarut	Ubat panas mencairkan lendir/batu dalam tubuh	Mucolytics & anti-lithiasis cairkan & pecahkan bahan	Teh halia, balsam panas	Bromhexine, potassium citrate
Rawatan panas & sejuk	Gabungan suhu rawatan ikut keadaan penyakit	Terapi haba/ais bantu rawat kecederaan/kerdangan	Tuaman sirih suam / mandian ais	Deep heat gel, ice pack
Ubat menyebabkan muntah	Air sejuk mengurangkan kesan pahit ubat pahit	Emetik untuk kes keracunan tertentu sahaja	Herba pahit + air sejuk	Activated charcoal, ipecac syrup
Istilah organ (kabdu, mi'dah)	Istilah klasik penting untuk pemahaman tubuh	Istilah anatomi asas dalam diagnosis moden	Rujukan kitab Tibb Melayu	'Stomach', 'liver', 'colon' (terminologi)
Demam & perut	Demam berpunca dari gangguan perut	Infeksi perut (H. pylori) sebabkan demam	Air kunyit, pucuk betik	Antibiotik H. pylori, antacid
Demam rabi' & penyakit kurakura	Demam jenis khas berkait dengan penyakit kurakura	Simptom sekunder penyakit berjangkit tertentu	Mandi daun limau purut	Antihistamin, antibiotik kulit
Lendir & kelemahan perut	Lendir berlebihan disebabkan kelemahan pencernaan	Mukus berlebihan dari GERD/jangkitan respiratori	Air asam jawa, air kunyit	PPI, mucolytics
Gatal & hati	Masalah hati menyebabkan kegatalan kulit	Sirosis hati sebabkan toksin → gatal kulit	Daun beluntas, akar kayu	Cholestyramine, antihistamin
Bersin & pemulihan dada	Bersin sebagai tanda pemulihan paru-paru	Refleks imun untuk bersihkan salur pernafasan	Wap rebusan sirih	Salbutamol, nasal steroid
Pendarahan hidung & perut	Pendarahan hidung dari perut dianggap serius	Hipertensi/masalah darah sebabkan pendarahan	Air pegaga	Warfarin, Amlodipine
Sejuk hujung badan & demam panas	Sejuk di anggota badan tanda suhu menurun	Vasokonstriksi kawal kehilangan haba semasa demam	Air rebusan serai wangi	Paracetamol, rawatan rehidrasi

Sumber: Kitab Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan, Fasal ke Tujuh

Elemen perubatan Syeikh Ahmad Al-Fatani menunjukkan keselarasan dengan prinsip sains moden. Huraian lanjut akan membuktikan kebijaksanaan tradisi ini dalam memahami tubuh dan rawatan secara menyeluruh.

Keutamaan Ubat Tunggul

Setiap penyakit mempunyai kaedah penyembuhan yang tersendiri. Pada kebiasaannya sesuatu penyakit akan di diagnosis terlebih dahulu oleh perawat sebelum ubatan diberikan kepada pesakit dalam usaha penyembuhan penyakit berkenaan (Noraini Ahmad et al., 2019). Pengkhususan dalam pemberian ubat dibuat bagi memastikan keberkesanan ubatan yang diberikan dalam menyembuhkan penyakit yang telah dikesan. Pesakit kebiasaannya akan menerima lebih daripada satu jenis ubatan sekiranya mendapatkan rawatan dari klinik, hospital atau perawat tradisional.

Walaupun begitu, setiap jenis ubatan yang diberikan mempunyai peranan yang berbeza dalam proses penyembuhan, terdapat ubatan yang perlu dihabiskan dalam tempoh tertentu dan juga yang perlu diambil sekiranya perlu (Nur Fauziana Abu Bakar, 2013). Penggunaan madu dalam usaha menyembuhkan masalah batuk atau pengambilan antibiotik untuk merawat masalah ulser dalam mulut disarankan terlebih dahulu sebelum ubatan lain diberikan bagi melihat tindakbalas ubatan dengan penyakit yang ingin dirawat. Sekiranya ubatan yang diberikan kurang berkesan untuk melegakan kesakitan, rawatan susulan akan dibuat dan tambahan ubatan akan diberikan (Aisling R. Caffrey et al., 2021).

Sifat Ubat Pembersih Badan

Umum mengetahui bahawa buah pinggang memainkan peranan penting dalam menapis sisa daripada darah dan menyingkirkannya melalui pundi kencing (Asyikin Md Isa, 2024). Pengambilan air kosong yang mencukupi membantu dalam melancarkan proses penyikiran sisa yang tidak diperlukan oleh tubuh badan sekaligus mengelakkan berlakunya penyakit yang disebabkan oleh kegagalan buah pinggang (Kidney Education, 2010). Dalam bidang perubatan, terdapat juga ubatan yang membantu dalam proses penyikiran bahan-bahan buangan atau toksin dalam badan. Ubatan seperti furosemide dan hydrochlorothiazide digunakan untuk merangsang pengeluaran air kencing (Kevin T. Kissing & Kerry K. Pickworth, 2014) manakala laksatif atau julap membantu dalam melawaskan pergerakan najis dalam usus bagi tujuan pembersihan badan (Ong Hean Chooi, 2008).

Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, ubatan yang digunakan untuk membersihkan badan daripada toksin atau penyakit mestilah bersifat suam agar tidak memberi kejutan kepada tubuh. Kajian oleh Mohsin Masud Jan (2023) menyatakan meminum air suam dengan perut yang kosong pada awal pagi membantu melancarkan system pencernaan selain menyeimbangkan paras asid dalam badan sekiranya diambil dengan tambahan lemon.

Ubat Pencegah Penyakit

Terma mencegah lebih baik daripada mengubati sering didengari dalam menggalakkan masyarakat membuat tindakan pencegahan awal sebelum terkena sesuatu penyakit atau penyakit menjadi lebih parah. Pengambilan makanan yang berkhasiat dan seimbang serta gaya hidup aktif menjadi amalan biasa dalam pencegahan penyakit (Manimaran Krishnan & Samsudin A Rahim, 2014).

Pengambilan ubatan atau suplemen tambahan merupakan antara cara untuk individu meningkatkan tahap kesihatan dan mencegah penyakit (Susanne Rautiainen, 2016). Namun begitu, individu diingatkan untuk mendapatkan nasihat pakar perubatan yang diiktiraf terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang jenis ubatan bagi mengelakkan ubatan atau suplemen yang diambil memberi kesan kepada kesihatan (Chiba, 2023). Hal ini disebabkan oleh lambakan produk yang membuat tuntutan yang berlebihan yang terdapat di pasaran serta boleh mengundang pelbagai penyakit berbahaya seperti kegagalan buah pinggang dan masalah hati (Fang, Y. et al., 2023).

Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani ubatan yang digunakan untuk mencegah penyakit atau mengelakkan penyakit daripada kembali perlu bersifat sejuk kerana ia membantu menenangkan

badan. Penggunaan daun bunga raya sebagai tampalan dahi atau tampalan pad penyejuk membantu mengurangkan kepanasan badan dan mencegah demam daripada kembali lantaran kesan sejuk yang ditinggalkan bahan berkenaan.

Ubat Pemecah atau Pelarut

Suhu panas sering dikaitkan dengan peluh berlebihan dan ketidaselesaan pada tubuh. Keadaan ini menyebabkan individu mudah berpeluh dan cepat berasa dahaga. Peluh dirembeskan apabila suhu badan meningkat melebihi paras normal sebagai mekanisme penyejukan semula jadi tubuh (Nor Asyikin Mat Hayin, 2020). Ramai dalam kalangan kita lebih memilih makan makanan yang bersuhu sederhana atau sejuk, pengambilan makanan panas terutamanya sup hanya diambil sekiranya berasa kurang sihat dan tiada selera makan. Makanan panas sebenarnya lebih mudah dicerna kerana berada pada suhu yang bersesuaian dengan badan. Ikatan kimia yang terkandung dalam makanan akan pecah apabila dimasak yang memudahkan penyerapan nutrisi ketika proses pencernaan berlaku (Alefia Arshad Vasanwala, 2022).

Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani dalam kitab TIFTA, sekiranya ubatan diambil dengan tujuan memecahkan atau melarutkan bahan dalam badan seperti lender atau batu karang, ia perlu bersifat panas. Pengambilan teh halia umpamanya membantu dalam mencairkan kahak dalam rawatan selsema. Halia yang bersifat panas membantu proses pencernaan dan memanaskan badan (Azlini Anuar Tan & Husna Faredza, 2024) begitu juga pengambilan sapuan balsam yang mampu melegakan gejala selsema dengan menyapu krim panas dibahagian tekak dan hidung.

Rawatan Panas dan Sejuk Pada Bahagian Sakit

Suhu panas dan sejuk memainkan peranan penting dalam proses perawatan penyakit. Seseengah penyakit lebih sesuai dirawat dengan kaedah pemanasan atau ubatan bersifat panas, manakala yang lain lebih berkesan dengan kaedah penyejukan atau ubat bersifat sejuk. Selain terdapat penyakit yang memerlukan gabungan ubatan panas dan sejuk untuk mencapai kesan penyembuhan yang optimum. Suhu panas membantu membuka pori-pori kulit (Satyawati Sulubara, 2021) dan meningkatkan peredaran darah, yang membantu dalam penyerapan ubat berbentuk salap atau minyak manakala suhu sejuk pula membantu menyempitkan saluran darah yang membantu melegakan ketegangan pada bahagian yang sakit (Iqbal, 2017).

Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, rawatan yang memerlukan bahagian badan tertentu dipanaskan, rawatannya harus bersifat suam agar kesan yang diterima tidak terlalu drastic. Kekejangan otot dapat dirawat menggunakan tuaman suam untuk melegakannya, sama juga dengan mandian ais yang biasanya dilakukan oleh para atlet untuk melegakan ketegangan otot mereka selepas latihan atau kejohanan.

Ubat yang Menyebabkan Muntah

Campuran bahan-bahan untuk menghasilkan ubat sama ada ubatan moden mahupun tradisional menghasilkan ubatan yang mempunyai rasa kurang enak untuk ditelan. Rasa pahit biasanya menjadi rasa utama yang menyebabkan ubatan ditolak oleh kanak-kanak mahupun dewasa selain bau ubatan berkenaan yang kurang menyenangkan. Perasaan tidak selesa untuk menerima sesuatu yang dirasakan tidak enak untuk ditelan menjadi pencetus kepada rasa loya dan ingin memuntahkan semula ubatan yang masuk ke dalam mulut. Rasa dan bau yang datang dari ubatan menjadikan individu adakalanya lebih memilih untuk menahan sakit daripada memakan ubatan yang akan dimuntahkan kembali. Walaupun terdapat perisa tambahan dalam ubatan seperti perisa strawberi dalam ubat batuk kanak-kanak namun masih kurang membantu dalam proses pengambilan ubat.

Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, ubat yang boleh menyebabkan muntah perlu diminum bersama air sejuk bagi mengurangkan ketidakselesaan. Pengambilan ubatan yang pahit disarankan untuk menelannya bersama air sejuk untuk mengurangkan rasa tidak selesa dari kepahitan. Kebiasaannya ubat batuk akan diletakkan di dalam peti sejuk untuk menyejukkannya bagi menenggelamkan rasa tidak enak daripada ubat berkenaan.

Istilah Penting dalam Perubatan Melayu Tradisional

Umum mengetahui bahasa Melayu pernah menjadi bahasa perantaraan atau *lingua franca* yang digunakan di seluruh Nusantara. Bahasa Melayu tidak hanya menjadi bahasa pertuturan masyarakat setempat bahkan menjadi bahasa perantaraan dalam kalangan pedagang di pelabuhan yang datang berdagang ke rantau ini. Hal ini menjadikan bahasa Melayu mudah tersebar luas dan kukuh sebagai bahasa utama di Nusantara (Shaufi, 2024). Bahasa Melayu turut digunakan dalam bidang perubatan Melayu tradisional yang mana bahasa ini bukan sahaja menjadi medium komunikasi antara perawat dengan pesakit tetapi juga sebagai medium untuk menerangkan tentang konsep rawatan, ramuan dan kaedah dalam kitab-kitab perubatan terdahulu.

Manuskrip perubatan Melayu seperti kitab *Tayyib Al-Ihsān Fī Tibb Al-Insān*, *Tibb Melayu* dan *Kitab Perubatan Melayu* mempunyai istilah-istilah perubatan yang sukar difahami. Kesukaran ini disebabkan oleh istilah-istilah berkenaan dipengaruhi oleh bahasa Arab dan bahasa Melayu klasik serta kiasan yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu untuk menerangkan sesuatu perkara atau memberi nasihat (Salmah Jan Noor Muhammad, 2024). Kesukaran untuk memahami istilah perubatan dalam manuskrip perubatan Melayu tradisional menjadikan kitab-kitab perubatan tradisional kurang mendapat perhatian untuk dikaji (Harun Mat Piah, 2015).

Rujukan dengan pakar bahasa perlu dibuat dalam mengkaji kitab perubatan Melayu tradisional bagi mengelakkan salah faham tentang rawatan yang diberikan dan kesilapan mentafsir penerangan yang diberikan. Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, terdapat beberapa istilah yang mesti difahami oleh perawat bagi perubatan Melayu tradisional. Antara terma yang sering digunakan dalam bidang perubatan ini dan perlu difahami oleh perawat adalah:

- i. *Kabdun* yang bermaksud hati.
- ii. *Mi'dah* yang bermaksud perut.
- iii. *Qābidah* yang bermaksud sesuatu yang mengikat atau mengecutkan.
- iv. *Qitrah* yang bermaksud sesuatu yang mempunyai bau yang baik.

Demam dan Kaitannya dengan Perut

Perut merupakan salah satu organ pencernaan yang terdapat dalam badan manusia. Organ ini merupakan peranan utama dalam system pencernaan yang memproses makanan sebelum diserap oleh usus kecil. Perut akan menyimpan makanan yang dimakan buat sementara waktu sebelum otot-otot perut mengadun makanan yang kemudiannya dicernakan oleh asid yang dihasilkan (Liza Nopita Sari & Putri Bintang, 2023). Nutrien seperti vitamin B12 diserap di bahagian ini, sebelum yang selebihnya diteruskan pada bahagian seterusnya dalam sistem pencernaan. Perut seringkali dikaitkan sebagai punca bagi masalah kesihatan. Tidak hairanlah jika terdapat terma yang menyatakan segala penyakit bermula dari perut (Mohd Farhan Md Ariffin et al., 2022).

Menurut Latifah Samian (2022), perut memainkan peranan untuk memproses makanan yang diterima dari esofagus menjadi separa hazam sebelum dilepaskan sedikit demi sedikit ke bahagian usus yang mana keseluruhan proses ini mengambil masa selama 3 hingga 4 jam. Keradangan atau sebarang jangkitan yang berlaku pada perut boleh menyebabkan individu tertentu mengalami demam. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh imun badan yang bertindak balas terhadap patogen atau kerosakan pada tisu. Masalah pada perut yang turut menyebabkan berlakunya demam adalah seperti keracunan makanan, radang apendiks, ulcer perut yang teruk dan penyakit radang usus atau IBD (Jayne Leonard, 2023). Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, demam boleh berlaku pada setiap hari yang biasanya berpunca daripada masalah dalam perut. Jangkitan bakteria dalam perut boleh menyebabkan keracunan makanan yang membawa kepada demam dan ketidakselesaan pada tubuh.

Demam Rabi' dan Penyakit Kura-kura

Menurut Nurulwahidah Fauzi et al (2019), demam merupakan tindak balas semulajadi badan terhadap serangan virus atau bakteria. Pada ketika ini, badan suhu badan akan menjadi lebih tinggi daripada suhu badan normal dengan pelbagai gejala yang ditunjukkan kesan daripada

tindak balas berkenaan. Apabila mengalami demam, suhu badan akan meningkat, badan akan berasa sejuk atau menggigil, berasa sakit kepala, letih lesu, kehilangan selera makan serta terasa sakit pada badan. Demam tidak dianggap sebagai penyakit tetapi merupakan petanda bahawa sistem imun sedang diaktifkan bagi melawan sebarang virus atau bakteria untuk menghalang jangkitan yang lebih parah (Ismoedijanto, 2000).

Menurut Dimie Ogoina (2011), demam dapat diklasifikasikan kepada demam akut, subakut dan kronik berdasarkan tempoh demam berlangsung. Demam akut seperti malaria dan jangkitan saluran pernafasan berlaku dalam tempoh kurang daripada 7 hari manakala demam subakut seperti kepialu berlangsung tidak melebihi 2 minggu. Demam yang berlangsung melebihi 2 minggu dikenali sebagai demam kronik, merupakan ciri bagi belakunya jangkitan seperti tuberculosis, jangkitan virus seperti HIV dan kanser. Krishnan Narasimhan & Karen Justiniano (2022) menyatakan bahawa demam viral yang sering berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan dewasa adalah demam disebabkan oleh COVID-19 dan demam selsema selain demam yang disebabkan oleh jangkitan bakteria seperti pneumonia. Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, satu jenis demam tertentu (demam rabi') dikatakan hanya berlaku bersama penyakit kura-kura, merujuk kepada kepercayaan tradisional.

Lendir dan Masalah Perut

Lendir terdiri daripada glikoprotein dikenali sebagai mucin yang dihasilkan oleh sel epitelium. Lendir mengandungi air, lipid, DNA dan sebatian mikrob. Secara keseluruhannya, tubuh badan manusia mengandungi sebanyak 21 jenis protein musin (Madeline Barron, 2024). Menurut Harrison Wein (2020), lendiran atau mukus melapisi permukaan seperti paru-paru, sinus, mulut, perut dan usus dengan berfungsi sebagai pelincir yang mengelakkan tisu daripada kekeringan serta menjadi pertahanan yang menapis bahan-bahan yang dihirup ke dalam badan seperti habuk, alergen dan mikroorganisma. Lendir ini amat penting dalam tubuh badan manusia untuk melindungi organ, memerangkap kuman dan arah asing, menyokong system imun badan serta membantu dalam system penghadaman manusia.

Walaupun lendir berperanan penting dalam membantu kelancaran sistem tubuh manusia, namun pengeluaran lendir secara berlebihan dalam badan manusia memberi kesan yang buruk kepada kesihatan individu. Perubahan warna lendir daripada jernih kepada kehijauan dan pekat menunjukkan wujud jangkitan dalam badan individu (Cleveland Clinic, 2024). Deborah Leader (2024) menyatakan bahawa lendiran yang berlebihan dalam badan menunjukkan kehadiran penyakit seperti penyakit paru-paru kronik (COPD), asma, bronkitis dan fibrosis.

Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, penyakit yang disebabkan oleh lendir (balgham) sering berpunca daripada kelemahan sistem penghadaman. Keadaan ini boleh dilihat melalui masalah refluks asid boleh menyebabkan kahak berlebihan dalam tekak.

Gatal atau Geli-Geli dan Kecederaan Hati

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), gatal merujuk kepada perasaan yang tidak enak pada kulit hingga menimbulkan keinginan untuk menggaru. Rebecca Falconer (2023), menyatakan bahawa kegatalan berlaku disebabkan oleh bakteria yang mengaktifkan saraf kulit secara langsung lantas menyebabkan rasa kegatalan seperti berada dalam keadaan ekzema. Hati berperanan dalam meneutralkan toksin dan menapis garam hempedu. Sekiranya fungsi hati ini terjejas, makan bahan-bahan yang seharusnya ditapis akan terkumpul dalam badan, termendap pada kulit seterusnya menyebabkan kerengsaan dan kegatalan pada kulit. Kegatalan yang dialami di keseluruhan badan namun bahagian yang kebiasaannya terjejas teruk akibat kegatalan akibat penyakit hati ini adalah pergelangan tangan dan buku lali (Ribhi Hazin et al., 2009).

Kajian oleh Vinod S Hegade et al., (2015), menyatakan penggunaan ubatan seperti Cholestyramine, Naltrexone dan Rifampicin membantu dalam merawat kegatalan disebabkan oleh penyakit hati. Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, penyakit yang menyebabkan rasa gatal atau geli-geli biasanya berkaitan dengan hati. Sebagai contoh, pesakit dengan masalah hati seperti sirosis sering mengalami kegatalan kulit akibat toksin yang tidak ditapis dengan baik.

Bersin dan Pemulihan Dada atau Paru-Paru

Kemudahan perubatan pada masa kini membolehkan sesuatu penyakit yang dahulunya dilihat sebagai sukar untuk diubati namun kini dapat dipulihkan walaupun bukan pemulihan sepenuhnya. Pengenalan ubatan moden, terapi terkini atau program vaksinasi yang diperkenalkan mampu membendung sesuatu penyakit daripada terus menular serta membahayakan masyarakat. Proses pemulihan penyakit boleh menggunakan sama ada melalui rawatan moden mahupun kaedah tradisional yang menggunakan sumber semulajadi. Amalan harian yang dilakukan juga boleh menjadi cara untuk merawat penyakit. Bersin umpamanya yang merupakan tindakan refleks bagi membersihkan saluran hidung daripada bahan asing juga merupakan kaedah perawatan secara semulajadi yang tidak disedari (Hani Hilyati Ubaidah, 2014).

Menurut Keller & Diekhof (2025), walaupun bersin sering dikaitkan dengan penyebaran jangkitan penyakit berkaitan pernafasan seperti SARS-CoV2 atau influenza, namun sistem imun badan juga diaktifkan melalui bersin. Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, jika seseorang bersin akibat penyakit lama dalam dada atau paru-paru, itu mungkin merupakan tanda pemulihan. Sebagai contoh, pesakit asma yang mula bersin selepas rawatan mungkin sedang mengalami proses pembersihan paru-paru.

Pendarahan Hidung dan Keadaan Perut

Keadaan panas dan kering sering dikatakan menjadi penyebab berlakunya pendarahan pada hidung. Hal ini mungkin disebabkan oleh kekerapan menggosok hidung atau menghembus nafas dengan kuat ketika cuaca panas dan kering boleh menyebabkan terjadinya pendarahan hidung (Nur Fatimah Abdullah, 2025). Pelbagai mitos dilihat berkaitan dengan cara merawat pendarahan hidung, namun Najmi Syahiran Mamat (2020) menyatakan teknik yang betul untuk menangani pendarahan hidung adalah dengan duduk menegak dan tunduk ke depan, memicit bahagian hidung selama 20-30 minit kemudian melepaskan picitan berkenaan untuk melihat sama ada pendarahan berhenti atau tidak.

Walaupun pendarahan hidung sering dianggap sebagai sesuatu yang remeh, namun ia juga boleh menjadi petanda awal bagi penyakit berbahaya. Menurut Charles Murphy dan Vladimir Sheynzon (2024), kekerapan berlaku pendarahan hidung boleh menjadi petunjuk kepada penyakit *Heredity Hemorrhagic Telangiectasia* (HHT). HHT merupakan gangguan genetic yang menyebabkan pembentukan salur darah yang tidak normal dan rapuh. Bagi individu yang menghidapi penyakit darah tinggi, mereka mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengalami pendarahan hidung. Sekiranya berlaku, mereka perlu mendapatkan rawatan di hospital lantaran risiko berlakunya kerosakan pada salur darah akibat tekanan darah tinggi (Byun et al., 2020).

Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, jika pendarahan hidung berlaku akibat penyakit dalam perut, ia mungkin tanda yang tidak baik. Namun, jika tiada penyakit dalam perut, ia boleh dianggap sebagai biasa. Contohnya, pendarahan hidung akibat tekanan darah tinggi boleh berbahaya jika tidak dirawat.

Hujung Anggota Badan Sejuk dan Demam Panas

Ketidakselesaian badan seringkali dirasai ketika badan berasa tidak sihat. Situasi ini merupakan isyarat daripada tubuh bahawa sesuatu yang tidak kena terjadi di dalam badan individu berkenaan. Berasa lenguh atau sakit-sakit, menggigil, rasa lesu, sakit kepala dan berasa loya dan berpeluh merupakan antara bentuk ketidakselesaian yang berlaku apabila badan tidak sihat. Rebanta K. Chakraborty dan Bracken Burns (2023) menyatakan ketidakselesaian badan merupakan tindak balas pertahanan badan terhadap tekanan yang berbahaya seperti jangkitan, trauma, keradangan akut atau penyakit.

Kajian oleh Nancy J. Ames RN et al., (2013) menyatakan bahawa rasa sejuk pada badan merupakan salah satu simptom demam yang biasa dirasai selain rasa lemah, sakit kepala dan berpeluh. Rasa sejuk yang dialami ketika demam merupakan tindak balas badan untuk memanaskan badan. Apabila demam, salur darah pada kulit akan menjadi sempit menyebabkan kulit berasa sejuk, justeru tubuh badan cuba menghasilkan haba bagi memanaskan diri (Daniel Mota-Rojas et al., 2021).

Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, jika hujung anggota badan menjadi sejuk dan kehijauan semasa demam panas, ini menandakan suhu badan sedang menurun. Keadaan ini mirip dengan fasa akhir demam di mana tubuh mula menstabilkan suhu badan.

Keutamaan Adat dan Pemakanan Pesakit

Gaya hidup sihat bermula daripada individu itu sendiri. Pemilihan makanan berkhasiat dan rutin bersenam merupakan antara langkah penting menjaga kesihatan (Kevin Fernandez et al., 2019). Individu kini turut mengamalkan pengambilan suplemen, menjalani pemeriksaan kesihatan berkala, serta melabur untuk alatan senaman demi memastikan tahap kesihatan terbaik (Wei-Cheng Lo et al., 2024).

Dalam era digital, ilmu kesihatan mudah diakses melalui media sosial (Mohamad Hafifi Jamri et al., 2021), namun semakin kesahihan maklumat amat penting bagi mengelakkan penipuan ubatan dalam talian yang boleh memudaratkan kesihatan (S. Connie Pearl Suil, 2020). Menurut Syeikh Ahmad Al-Fatani, sebelum memberi rawatan, tabib perlu memahami adat dan pemakanan pesakit agar selari dengan amalan doktor moden yang mengambil kira gaya hidup dan diet pesakit sebelum merawat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah mengenal pasti sebanyak lima belas elemen utama yang perlu dikuasai oleh perawat dalam perubatan Melayu tradisional sebagaimana yang dihuraikan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani dalam kitab *Tayyib Al-Ihsān Fī Tibb Al-Insān*. Hasil analisis kandungan terhadap manuskrip tersebut menunjukkan bahawa setiap elemen yang dinyatakan bukan sekadar bersifat teknikal perubatan, malah turut melibatkan aspek adab, etika, dan pemahaman mendalam tentang tabiat manusia serta alam sekeliling. Penekanan terhadap hubungan antara penyakit, sifat ubat, dan keadaan tubuh badan menonjol sebagai teras falsafah perubatan Melayu tradisional.

Antara elemen yang dikenalpasti termasuk keutamaan penggunaan ubat tunggal sebelum mencampurkan pelbagai ubatan, keperluan memahami sifat panas atau sejuk ubat bagi menyesuaikan dengan keadaan penyakit, serta prinsip penggunaan ubat sebagai pembersih badan. Selain itu, pemahaman terhadap istilah teknikal seperti *kabdun* (hati), *mi'dah* (perut), dan *qābidah* (pengikat) dilihat penting untuk memastikan kefahaman perawat terhadap konsep penyakit dan perawatan.

Penemuan ini turut disokong melalui temu bual separa berstruktur bersama tiga orang doktor perubatan moden. Kesemua doktor menekankan bahawa elemen-elemen yang digariskan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani bertepatan dengan beberapa prinsip asas dalam perubatan moden, terutamanya berkaitan pemahaman terhadap mekanisme farmakologi ubat, keperluan melihat ubat bukan hanya berdasarkan simptom, tetapi berdasarkan sistem badan secara keseluruhan, serta pentingnya sikap empati dan komunikasi efektif dengan pesakit.

Salah seorang doktor menegaskan bahawa keupayaan memahami sifat ubat dan kesan terhadap tubuh merupakan asas kepada rawatan yang berkesan dalam amalan klinikal hari ini, sama seperti yang ditekankan dalam perubatan tradisional. Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa keutamaan terhadap faktor adat, pemakanan, dan gaya hidup pesakit yang dinyatakan dalam kitab tersebut juga bersesuaian dengan prinsip rawatan berpusatkan pesakit (patient-centered care) dalam amalan perubatan moden. Pendekatan yang holistik ini menggambarkan bahawa walaupun konteks perubatan Melayu tradisional berbeza daripada kerangka saintifik moden, asas falsafahnya tetap menekankan keseimbangan tubuh, pemeliharaan kesihatan, dan penyelarasan rawatan dengan keadaan individu.

Perbincangan juga mendapati bahawa beberapa prinsip rawatan seperti penggunaan suhu dalam rawatan (panas atau sejuk), peranan muntah sebagai kaedah detoksifikasi, serta perhatian terhadap simptom seperti lendir dan gatal-gatal akibat gangguan dalaman mempunyai justifikasi yang dapat difahami melalui sains moden, meskipun istilah dan penjelasannya berbeza. Sebagai contoh, penggunaan rawatan haba dan sejuk dalam fisioterapi hari ini membuktikan kesamaan pendekatan dengan prinsip yang dikemukakan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani tentang pengurusan suhu tubuh dalam rawatan.

Namun demikian, doktor yang ditemu bual turut menekankan keperluan untuk menilai semula beberapa amalan tradisional tertentu melalui kajian saintifik lanjut agar dapat diintegrasikan secara lebih selamat dan berkesan dalam amalan kesihatan semasa. Walaupun elemen keilmuan dan etika perawat jelas memberikan kekuatan kepada amalan tradisional, terdapat keperluan untuk meningkatkan pemahaman terhadap aspek farmakokinetik, ketoksikan bahan semulajadi, dan keberkesanan rawatan berasaskan bukti (*evidence-based medicine*).

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa elemen-elemen yang digariskan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani tetap relevan dalam membina kerangka kompetensi seorang perawat. Penekanan terhadap ilmu, kemahiran, etika, dan kefahaman menyeluruh terhadap tubuh manusia menjadi asas kukuh bagi pembangunan model perawatan bersepadu yang menghormati nilai tradisi dan memenuhi tuntutan profesionalisme perubatan moden.

Perbincangan Dari Sudut Asas Sains Berdasarkan 15 Elemen

Kajian terhadap *Tayyib Al-Ihsan Fi Tibb Al-Insan* mendapati Syeikh Ahmad al-Fatani menggariskan 15 elemen asas yang perlu dikuasai oleh seorang perawat. Apabila dianalisis dari sudut asas sains moden, prinsip-prinsip ini mempunyai justifikasi yang kuat berdasarkan biologi manusia, fisiologi badan, dan prinsip farmakologi. Perbincangan berikut menghuraikan setiap elemen dari perspektif sains:

Pertama, keutamaan penggunaan ubat tunggal berbanding campuran ubat sebelum perlu. Prinsip ini selari dengan konsep monoterapi dalam perubatan moden, iaitu penggunaan satu jenis ubat bagi mengurangkan risiko interaksi ubat, ketoksikan berganda dan komplikasi farmakodinamik yang tidak diingini (Aronson, 2011).

Kedua, kefahaman tentang sifat ubat sama ada panas atau sejuk, yang mencerminkan kesedaran terhadap kesan fisiologi sesuatu bahan terhadap suhu badan dan sistem homeostasis. Dalam perubatan moden, ubat-ubatan tertentu seperti vasodilator (yang mengembangkan saluran darah) menyebabkan rasa panas, manakala ubat antipiretik bertindak mengurangkan suhu badan semasa demam (Guyton & Hall, 2011).

Ketiga, penggunaan ubat sebagai agen pembersihan badan menepati konsep detoksifikasi semulajadi. Secara saintifik, tubuh manusia mempunyai organ seperti buah pinggang dan hati yang menapis bahan toksik. Ubat seperti diuretik dan laksatif membantu mempercepatkan proses ini dalam konteks perubatan moden (Gosselin et al., 2007).

Keempat, penggunaan ubat pencegah penyakit yang bersifat menenangkan tubuh selari dengan pendekatan profilaksis dalam perubatan, seperti vaksinasi dan suplemen kesihatan yang bertujuan menguatkan sistem imun dan mencegah jangkitan (Plotkin, 2014).

Kelima, penggunaan ubat pemecah atau pelarut bahan seperti lendir atau batu karang mencerminkan konsep mucolytics dalam farmakologi, di mana ubat-ubatan tertentu digunakan untuk mencairkan kahak dan melarutkan pembentukan abnormal dalam tubuh (Rubin, 2007).

Keenam, rawatan suhu panas atau sejuk pada bahagian sakit bertepatan dengan prinsip terapi haba dan terapi sejuk dalam fisioterapi, yang digunakan untuk mengawal keradangan, melegakan kesakitan otot, dan mempercepatkan pemulihan tisu (Bleakley et al., 2012).

Ketujuh, penggunaan ubat yang menyebabkan muntah sebagai kaedah rawatan mencerminkan amalan emetik dalam situasi tertentu, misalnya dalam kes keracunan makanan, di mana induksi muntah mungkin diperlukan untuk membuang toksin dari perut, walaupun penggunaan klinikal moden lebih terkawal (Vale & Kulig, 2004).

Kelapan, kefahaman terhadap istilah teknikal seperti hati (*kabdun*), perut (*mi'dah*), dan fungsi-fungsinya mencerminkan keperluan penguasaan anatomi dan fisiologi tubuh manusia dalam amalan perawatan yang berkesan.

Kesembilan, kaitan antara demam dan perut menyentuh konsep pathophysiology moden, di mana keradangan gastrointestinal seperti gastritis atau jangkitan bakteria *Helicobacter pylori* boleh mencetuskan demam sebagai tindak balas imun badan (Kusters et al., 2006).

Kesepuluh, konsep demam Rabi' dan penyakit kura-kura walaupun secara literal sukar diterima secara saintifik, namun dalam konteks moden ia boleh diinterpretasikan sebagai hubungan antara penyakit berjangkit tertentu dengan tanda-tanda sekunder, misalnya manifestasi kulit akibat demam berdarah.

Kesebelas, masalah lendir dan kelemahan perut sesuai dengan pemahaman tentang penghasilan mukus yang berlebihan akibat gastroesophageal reflux disease (GERD) atau jangkitan saluran pernafasan, menunjukkan hubungan sistemik antara penghadaman dan sistem pernafasan (Fass et al., 2001).

Kedua belas, gatal-gatal dan kecederaan hati adalah selari dengan fakta perubatan bahawa penyakit hati seperti sirosis menyebabkan pengumpulan toksin yang menghasilkan kegatalan kulit (Hegade et al., 2015).

Ketiga belas, bersin dan pemulihan paru-paru mengesahkan mekanisme pertahanan badan di mana refleks bersin membantu membersihkan saluran pernafasan daripada patogen, sekaligus merupakan tanda sistem imun aktif (Keller & Diekhof, 2025).

Keempat belas, pendarahan hidung dan kaitannya dengan penyakit perut walaupun kelihatan metafora, namun dari perspektif saintifik, pendarahan hidung sering dikaitkan dengan gangguan sistemik seperti hipertensi atau gangguan koagulasi yang mungkin berpunca dari masalah sistemik termasuk hati atau usus (Murphy & Sheynzon, 2024).

Kelima belas, sejuk pada hujung anggota badan semasa demam panas konsisten dengan proses vasokonstriksi periferal dalam homeostasis suhu badan, di mana tubuh mengecilkan saluran darah di hujung anggota untuk mengurangkan kehilangan haba apabila suhu badan meningkat (Guyton & Hall, 2011). Akhir sekali, elemen tentang pentingnya memahami adat dan pemakanan pesakit sebelum rawatan seiring dengan prinsip perubatan moden yang menekankan anamnesis lengkap (pengambilan sejarah pesakit) termasuk diet, gaya hidup, dan amalan budaya, kerana semua ini mempengaruhi kesihatan dan respons terhadap rawatan.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa asas sains moden menyokong banyak prinsip rawatan tradisional yang dinyatakan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani, walaupun dari segi terminologi dan pendekatan, terdapat perbezaan mengikut konteks sejarah dan perkembangan sains semasa. Hal ini memperlihatkan kearifan ilmiah tradisi Melayu dalam memahami tubuh manusia secara holistik, yang kini disokong oleh sains moden melalui pendekatan berasaskan bukti.

PENUTUP

Syeikh Ahmad Al-Fatani menekankan bahawa setiap perubahan dalam dunia termasuk dalam bidang perubatan berlaku dengan ketentuan Tuhan. Walaupun seorang tabib dianggap sebagai mahir untuk merawat, namun ada keadaan di mana tiada ubat yang benar-benar dapat membantu jika kecederaan terlalu parah. Oleh itu, pemahaman tentang prinsip perawatan yang betul amat penting dalam usaha merawat pesakit dengan berkesan.

RUJUKAN

Buku

- Aronson, J. K. (2011). *Side Effects of Drugs Annual: A Worldwide Yearly Survey of New Data in Adverse Drug Reactions*. (1st Edition, Volume 33). Elsevier.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (4th Edition). SAGE Publications, Inc., Thousand Oaks.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gosselin, R. E., Smith, R. P., & Hodge, H. C. (2007). *Clinical Toxicology Of Commercial Products* (7th ed.). Williams & Wilkins.
- Guyton, A. C., & Hall, J. E. (2011). *Textbook of medical physiology* (12th ed.). Elsevier.
- Ong, H. C. (2008). *Tanaman Hiasan: Khasiat Ubat & Kegunaan Lain*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Plotkin, S. A. (2014). *Vaccines* (6th ed.). Elsevier.
- Rautiainen, S., Manson, J. E., Lichtensein, A. H., & Sesso, H. D. (2016). *Dietary Supplements and Disease Prevention A Global Overview*. In *StatPearls*. StatPearls Publishing.

Jurnal

- Aisling R Caffrey & Eric P. Borrelli. (2021). The Art and Science of Drug Titration. Therapeutic Advances in Drug Safety. *Sage Journal*. Doi:10.1177/2042098620958910
- Ames, N. J., Peng, C., Powers, J. H., Leidy, N. K., Miller-Davis, C., Rosenberg, A., VanRaden, M., & Wallen, G. R. (2013). Beyond intuition: Patient fever symptom experience. *Journal of Pain and Symptom Management*, 46(6), 807–816. <https://doi.org/10.1016/j.jpainsymman.2013.06.005>
- Bleakley C, McDonough S, Gardner E, Baxter GD, Hopkins JT, Davison GW. (2012). Cold-Water Immersion (Cryotherapy) for Preventing and Treating Muscle Soreness After Exercise. *The Cochrane database of systematic reviews*, 2012(2), CD008262. <https://doi.org/10.1002/14651858.CD008262.pub2>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Byun, H., Chung, J. H., & Lee, S. H. (2020). Association of hypertension with the risk and severity of epistaxis. *JAMA Otolaryngology-Head & Neck Surgery*, 147(1), 34–41. <https://doi.org/10.1001/jamaoto.2020.2906>
- Chiba, T. (2023). Patients Are Using Dietary Supplement for The Treatment of Their Diseases Without Consultation with Their Physicians and Pharmacists. *Pharmacy*, 11(6), 179. <https://doi.org/10.3390/pharmacy11060179>
- Fang, Y., Lee, H., Son, S., Oh, S., Jo, S.-K., Cho, W., & Kim, M. G. (2023). Association Between Consumption of Dietary Supplements and Chronic Kidney Disease Prevalence: Results of The Korean Nationwide Population-Based Survey. *Nutrients*, 15(4), 822. <https://doi.org/10.3390/nu15040822>
- Fass, R., Tougas, G., & Richards, T. (2001). Gastroesophageal reflux disease and asthma: A practical approach. *Drugs*, 61(4), 533–547. <https://doi.org/10.2165/00003495-200161040-00004>
- Fernandez, K., Kharkwal, K. C., Afrose, T., Habib, N., & Das, S. (2019, December 23). Individual's awareness of healthy lifestyle: A cross-sectional study of a rural community in Kedah, Malaysia. *Journal of Biomedical Sciences*, 6(2). <https://doi.org/10.3126/jbs.v6i2.26812>
- Harun Mat Piah. (2015). Ilmu perubatan Melayu tradisional dari naskhah-naskhah lama. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(3), 3–17. <https://doi.org/10.17576/IMAN-2015-0303-01>
- Hegade, V. S., Kendrick, S. F. W., Rehman, J., & Jones, D. E. J. (2015). Itch and liver: Management in primary care. *British Journal of General Practice*, 65(635), e418–e420. <https://doi.org/10.3399/bjgp15x685477>
- Ismoedijanto. (2000). Demam Pada Anak. *Sari Pediatri*, 2(2), 103–108. <https://doi.org/10.14238/sp2.2.2000.103-8>
- Keller, J. K., & Diekhof, E. K. (2025). Visual Cues Of Respiratory Contagion: Their Impact On Neuroimmune Activation and Mucosal Immune Responses in Humans. *Brain, Behavior, And Immunity*, 125, 398–409. <https://doi.org/10.1016/j.bbi.2025.01.016>
- Kissling, K. T., & Pickworth, K. K. (2014). Comparison of the effects of combination diuretic therapy with oral hydrochlorothiazide or intravenous chlorothiazide in patients receiving intravenous furosemide therapy for the treatment of heart failure. *Pharmacotherapy*, 34(5), 490–496. <https://doi.org/10.1002/phar.1394>
- Kusters, J. G., van Vliet, A. H. M., & Kuipers, E. J. (2006). Pathogenesis of *Helicobacter pylori* infection. *Clinical Microbiology Reviews*, 19(3), 449–490. <https://doi.org/10.1128/CMR.00054-05>
- Kusters, J. G., van Vliet, A. H. M., & Kuipers, E. J. (2006). Pathogenesis of *Helicobacter pylori* infection. *Clinical Microbiology Reviews*, 19(3), 449–490. <https://doi.org/10.1128/CMR.00054-05>
- Manimaran Krishnan & Samsudin A Rahim. (2015). Hubungkait Komunikasi Kesihatan dengan Kesan Hirarki Isu Kesihatan Terhadap Perubahan Amalan Gaya Hidup Sihat. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30(1), 147–176. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3101-16>

- Mohamad Hafifi Jamri, Jamilah Ahmad, Nurzali Ismail & Darshan Singh. (2021). Keberkesanan Media Sosial dan Strategi Keunikannya Bagi Kempen Bahaya Penggunaan Dadah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(3), 111–133. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3703-07>
- Mohd Farhan Md Ariffin, Mohd Manawi Mohd Akib, Nor Syamimi Mohd, Sabri Mohamad & Ameer Areff Iskandar Mohd Azhar. (2022). Kepenggunaan Makanan Menurut Perspektif Hadis. Dalam *E-Prosiding Kolokium Antarabangsa Penyelidikan Sisiwazah Pengajian Islam (KAPSI2022)*. (Hlm. 107–119). Universiti Kebangsaan Malaysia, UIN Sultan Aji Muhammad Idris Samarinda, UIN Alauddin Makassar, & UIN Jambier.
- Mohsin Masud Jan. (2023). Importance of drinking water for human body. *Medical Forum Monthly*, 34(11).
- Muhd Norizam Jamian & Izzah Safiah Raihana Mohd Ghazali. (2021). Penggunaan Tawas Dalam Perubatan Melayu Tradisional. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 327–339. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-25>
- Normadiyah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin (2017). Unsur Kepercayaan Dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol Di Sabah. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 24(2), 59–88. <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.2.3>
- Nurulwahidah Fauzi, Khadher Ahmad & Wan Noor Azila Wan Kamaruzaman. (2019). Fever In The Perspective of Hadith and Malay Medical Manuscript: An Analysis on Kitab Bermacam-Macam Khasiat. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 17(1), 87–124. <https://doi.org/10.1163/22321969-12340071>
- Ogoina, D. (2011). Fever, Fever Patterns and Diseases Called 'Fever': A Review. *Journal of Infection and Public Health*, 4(3), 108–124. <https://doi.org/10.1016/j.jiph.2011.05.002>
- Ribhi Hazin, Tarek I. Abu-Rajab Tamimi, Jamil Y. Abuzetun & Nizar N. Zein. (2009). Recognizing and treating cutaneous signs of liver disease. *Cleveland Clinic Journal of Medicine*, 76(10), 599–606. <https://doi.org/10.3949/ccjm.76A.08113>
- Rubin, B. K. (2007). Mucolytics, expectorants, and mucokinetics. *Respiratory Care*, 52(7), 859–865. <https://doi.org/10.4187/respcare.52.7.859>
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2024, June). Dinamisme Interaksi Budaya: Penerapan Pengaruh Arab dalam Manuskrip Perubatan Tradisional Melayu. *Malay Literature*, 37(1), 27–48. [https://doi.org/10.37052/ml37\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/ml37(1)no2)
- Satyawati Sulubara. (2021). Efektivitas Tindakan Kompres Air Hangat dan Tepid Sponge Bath Terhadap Penurunan Demam pada Anak. *Journal of Midwifery Science and Women's Health*, 2(1), 15–19. <https://doi.org/10.36082/jmswh.v2i1.375>
- Vale, J. A., & Kulig, K. (2004). Position paper: Gastric lavage. *Journal of Toxicology: Clinical Toxicology*, 42(7), 933–949. <https://doi.org/10.1081/CLT-200030148>

Internet

- 7: Pencegahan Penyakit Buah Pinggang, Kidney Education Foundation <https://www.kidneyeducation.com/malay/Pencegahan-Penyakit-Buah-Pinggang> (diakses pada 30 April 2025).
- Causes of abdominal pain and chills (2023, 20 Jun). Medical News Today. <https://www.medicalnewstoday.com/articles/abdominal-pain-and-chills> (diakses pada 30 April 2025).
- Causes of Excessive Mucus Production – Infection, Lifestyle and Disease Such as COPD, Bronchiectasis and Cystic Fibrosis (2024, 24 Ogos) <https://www.verywellhealth.com/why-does-copd-cause-increased-mucus-production-914878> (diakses pada 30 April 2025).
- Elemen Rawatan Panas & Sejuk (2017, 14 September) Institut Sukan Negara Malaysia. <https://isn.gov.my/elemen-rawatan-panas-sejuk/> (diakses pada 1 Mei 2025).
- Fever in Adults, Children, and Toddlers: When To Worry (2022, 25 Ogos). Stamford Health. <https://www.stamfordhealth.org/healthflash-blog/primary-care/fever-in-adults-when-to-worry> (diakses pada 1 Mei 2025).

- Harian Metro*. Rimasnya Asyik Berpeluh (2020, 5 Jun). <http://www.hmetro.com.my/sihat/2020/06/59429/rimasnya-asyik-berpeluh> (diakses pada 29 April 2025).
- Keindahan dan Keunikan Bahasa Melayu Sebagai Lingua Franca (2024). Dewan Bahasa. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my> (diakses pada 1 Mei 2025).
- Kementerian Kesihatan Malaysia*. (2019, 5 Mac). *Garis Panduan Pembekalan Ubat Farmasi Pesakit dalam* (Edisi ke-3). Pharmaceutical Services Programme. <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/garis-panduan-pembekalan-ubat-farmasi-pesakit-dalam-edisi-ke-3.html> (diakses pada 29 April 2025).
- Marvels Of Mucus And Phlegm – The Slime That Keeps You Healthy (2020, Ogos). *NIH News in Health*. <https://newsinhealth.nih.gov/2020/03/marvels-mucus-phlegm> (diakses pada 30 April 2025).
- Memahami Fungsi dan Anatomi Sistem Pencernaan Manusia. <https://people.utm.my/latipahsamian-kl/memahami-fungsi-dan-anatomi-sistem-pencernaan-manusia/> (diakses pada 29 April 2025).
- Mendidik Masyarakat Menghargai Ubat (2013, 15 Mei). I-Medik: Pertubuhan Ikatan Pengamal Perubatan & Kesihatan Muslim Malaysia. <https://imedik.org/mendidik-masyarakat-menghargai-ubat/> (diakses pada 1 Mei 2025).
- Mucus (2024, 20 September) <https://my.clevelandclinic.org/health/body/mucus> (diakses pada 1 Mei 2024).
- Nak Jaga Buah Pinggang Agar Kekal Sihat? Ikut 9 Tip Penjagaan Ini (2024, 13 Februari) <https://hellodoktor.com/uroplogi/penyakit-buah-pinggang/tip-menjaga-kesihatan-buah-pinggang/> (diakses pada 1 Mei 2025).
- Sarapan Panas atau Dingin: Mana Yang Lebih Baik Untuk Anda? (2022, 20 Oktober) <https://www.gleneagles.com.sg/id/health-plus/article/hot-cold-breakfast> (diakses pada 1 Mei 2025).
- Scientists Make Breakthrough Discovery in Research Into What Causes Itch (2023, 23 November). AXIOS. <https://www.axios.com/2023/11/23/-skin-itch-cause-study-eczema-treatment> (diakses pada 30 April 2025).
- Suara Sarawak*. Awasi Produk Kesihatan Overclaim (2020, 7 Julai). <https://suarasarawak.my/awasi-produk-kesihatan-overclaim/> (diakses pada 1 Mei 2025).
- Systemic Inflammatory Response Syndrome (2023, 29 Mei). In StatPearls. StatPearls Publishing. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK547669/> (diakses pada 29 April 2025).
- When A Nosebleed Isn't Just A Nosebleed (2024, 7 Jun) <https://www.columbiaradiology.org/news/when-nosebleed-isnt-just-nosebleed> (diakses pada 1 Mei 2025).
- Why Mucus and Phlegm Matter In Health And Disease (2024, Februari). American Society for Microbiology. <https://asm.org/articles/2024/february/why-mucus-phlegm-matter-health-disease> (diakses pada 29 April 2025).

Tesis

- Ubaidah, H. H. (2014). *Kajian Hadis Tematik Seputar Bersin: Perspektif Ilmu Medis* (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.